

Syarahan Umum oleh Prof. Dr. Daryl Lund dan Prof. Dr. Rickey Yada

Ahmad Riduan Bahauddin

Pada 5 April 2012, SSMP telah menganjurkan satu majlis syarahan umum yang disampaikan oleh dua orang ahli akademik tersohor dari IUFoST iaitu Prof. Dr. Daryl Lund dan Prof. Dr. Rickey Yada. Syarahan ini adalah bersempena dengan persidangan antarabangsa yang dianjurkan oleh SSMP pada 2-4 April di The Pacific Hotel, Kota Kinabalu. Majlis ini telah dihadiri oleh para pelajar UMS khususnya pelajar SSMP dan para pensyarah UMS bertempat di Dewan Kuliah Pusat 1, UMS. Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan dan perasmian oleh Dekan SSMP, Prof. Madya Dr. Sharifudin Md. Shaarani. Sesi syarahan pertama disampaikan oleh Prof. Dr. Daryl Lund dengan Tajuk syarahan 'Effective preparation of scientific manuscripts'. Syarahan ini semestinya memberikan pengetahuan dan input yang bermakna kepada para pelajar dan pensyarah khususnya dalam penulisan dan penerbitan jurnal berimpak tinggi. Prof. Dr. Daryl Lund merupakan Profesor dalam Kejuteraan Makanan di Universiti of Winconsin-Madison, US. Beliau juga merupakan presiden International Academy of Food Science and Technology (IUFoST). Prof. Lund mempunyai Phd dalam bidang sains makanan dan minor di dalam kejuteraan kimia. Beliau telah menulis lebih dari 200 jurnal saintifik, menerbitkan lebih dari 25 buah buku dan membentangkan lebih dari 200 buah pembentangan di serata dunia. Beliau juga telah menjadi penasihat dan perunding di dalam beberapa organisasi industri makanan dan merupakan

ketua editor bagi jurnal International Food Technology.

Syarahan kedua disampaikan oleh Prof. Dr. Rickey Yada. Tajuk syarahan beliau adalah 'Application of Nanotechnology in the Food Industry'. Syarahan ini membincangkan tentang perkembangan semasa aplikasi nanoteknologi dalam industri makanan dan juga cabaran serta implikasi di masa hadapan. Topik ini memberikan satu input dan gambaran baru kepada para pelajar dalam bidang sains makanan yang dipelajari. Prof. Dr. Rickey Yada merupakan Profesor di Jabatan Sains Makanan di University of Guelph, Kanada. Beliau memperoleh Phd dari University of British Columbia. Profesor Yada juga merupakan panel dan jawatankuasa kepada pelbagai anugerah penyelidikan sama ada di Kanada dan antarabangsa. Beliau telah menulis lebih daripada 140 jurnal dan beberapa buah buku. Pada masa kini, Prof. Yada terlibat dalam penerbitan jurnal 'Trends in Food Science and Technology' sebagai ketua editor (Amerika Utara).

Majlis syarahan umum ini berakhir dengan penyampaian cenderamata kepada kedua-dua pensyarah jemputan oleh Dekan SSMP. Kesemua delegasi IUFoST dibawa ke di Mock Restaurant SSMP untuk jamuan tengahari dan disusuli sesi fotografi sebagai kenangan.

